

AKTIVITI-AKTIVITI MINGGUAN		PELAYANAN PASTORAL	
AHAD	Kebaktian-kebaktian Perjamuan Suci: CSC 8.00 pagi ke 9.30 pagi English 10.00 pagi ke 11.30 pagi BMC 12.00 tengahari ke 1.30 petang	Sebarang permintaan atau pertanyaan berkaitan dengan pelayanan pastoral seperti doa, lawatan, kematian, perkahwinan, pembaptisan dan penetapan, kaunseling dan sebagainya harus ditujukan ke Pejabat Gereja di 082-369333 atau 082-504372 pada waktu pejabat atau ke 013-8383436 pada waktu-waktu yang lain. Anda boleh juga menghubungi mana-mana ahli TIM PASTORAL:	
ISNIN	Praise Dance 6.00 ptg ke 7.00 mlm	Vicar	013-5677879
SELASA	Line Dance 5.00 ptg ke 6.00 mlm	Revd. Richard Chang (B. Cina)	012-8821303
RABU	Persekutuan Doa 7.45 mlm ke 9.00 mlm Hari Rabu pertama dan kedua sahaja)	Revd. Lawrence Wah Onn	013-8168248
KHAMIS	Praise Dance 6.00 ptg ke 7.00 mlm	SD Irvin Lim (B. Inggeris)	013-8102055
JUMAAT		SD Ron Bunchol	019-8897014
		SD Geoffrey Teo (B. Cina)	016-8886612
		SD John Cheong (B. Cina)	019-8485928
		SD Helen Chan (B. Cina)	013-8010770
SABTU	Latihan-latihan Puji & Sembah: CSC 12.30 tgh ke 3.00 ptg BMC 3.00 ptg ke 4.00 ptg English 4.00 ptg ke 6.00 ptg		

HARI MINGGU HADAPAN, 27 MAC 2022		
PENGUPACARA	Revd. Kelvin Jawa	
PENGKHUTBAH	Revd. Kelvin Jawa	
PERJANJIAN LAMA	YOSUA 5:9-12	Sdri. Guinevere Aring Pakar
PERJANJIAN BAHARU	2 KORINTUS 5:16-akhir	Sdri. Christina Thomas
INJIL	LUKAS 15:1-3, 11b-akhir	SD Ron Bunchol
PENDOA SYAFAAT	Sdr. Albert Thomas	

KEAHLIAN GEREJA
Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk bersama-sama merealisasikan VISI dan MISI Gereja kita, anda digalakkan untuk bertemu dengan mana-mana ahli-ahli TIM PASTORAL untuk mendapat maklumat lanjut. Untuk menjadi AHLI BERDAFTAR GEREJA, sila isi BORANG PENDAFTARAN yang boleh didapati daripada para penyambut tetamu. Menjadi ahli Gereja adalah sangat penting untuk semua orang Kristian.

MENGHADIRI KEBAKTIAN-KEBAKTIAN DI GEREJA SECARA FIZIKAL
Untuk menghadiri sebarang kebaktian di Gereja kita secara fizikal, anda perlu mendaftar diri bersama Pejabat Gereja melalui peranti WhatsApp di nombor 013-8383436. Anda perlu memberikan nama penuh dan umur anda dan memberitahu kebaktian yang mana satu yang anda ingin hadir.

Gereja kita mematuhi semua Panduan dan SOP terkini yang dikuat kuasakan oleh pihak Diosis, UNIFOR dan SDMC. Marilah kita menjaga satu sama lain sambil berdoa dan percaya yang Tuhan kita akan menamatkan Pandemik COVID -19 ini dengan kadar segera. Jaga diri dan jadilah berkat kepada orang lain.

PEMBERIAN KEPADA DANA-DANA GEREJA
Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk memberi dengan murah hati kepada mana-mana dana-dana Gereja kita, anda boleh melakukannya secara tunai atau cek melalui sampul surat yang tersedia, menggunakan kod-kod QR di bawah atau atas talian ke akaun bank Gereja kita seperti yang tertera di bawah. Tuhan kita bersuka cita dengan sesiapa yang memberi dengan murah hati.

						AKAUN BANK DANA AM GEREJA	
				 AKAN DATANG!			
Dana Bangunan Gereja	Dana Misi	Pemberian Hari Minggu	Persepuluhan	Public Bank 3207398133 Sila hantar slip bank ke Pejabat Gereja melalui WhatsApp di 013-8383436 dan nyatakan tujuan transaksi itu.			



TABUAN JAYA
ANGLICAN CHURCH

DIOCESE OF KUCHING



VISI MENJANGKAUI untuk KRISTUS seluas-luasnya bermula daripada Tabuan Jaya

MISI Membina satu KOMUNITI KRISTIAN yang MENGASIHI dan MENGENALI KRISTUS dan berusaha untuk MEMBERITAKAN DIA kepada ORANG LAIN

TEMA 2022 MENGASIHI dan MELAYANI seperti KRISTUS (Matius 20:20-28)

UNGU	LENT 3	20 MAC 2022
TEMA KHUTBAH	KUASA YANG TERBENAR	
PENGUPACARA	Revd. Lawrence Wah Onn	
PENGKHUTBAH	SD Ron Bunchol	
PERJANJIAN LAMA	YESAYA 55:1-9	Sdr. Melvis Martin
PERJANJIAN BAHARU	1 KORINTUS 10:1-13	Sdr. William Harry
INJIL	LUKAS 13:1-9	SD Ron Bunchol
PENDOA SYAFAAT	Sdr. Gillivary Galau	

DOA RINGKAS HARI INI

 Allah yang Maha Kuasa, Anak yang dikasihi-Mu, terlebih dahulu mengalami kepedihan sebelum Dia perolehi kegembiraan, dan sudah disalibkan, sebelum menerima kemuliaan: dengan belas kasihan, beri kepada kami, yang berjalan mengikuti laluan salib, tidak akan dapat laluan yang lain, selain dari laluan ini; melalui Yesus Kristus Anak-Mu Tuhan kami, Dia yang hidup dan memerintah dengan-Mu, dalam kesatuan Roh Kudus, Allah yang Tunggal, sekarang dan selama-lamanya. Amin.

DOA RINGKAS UNTUK HARI RABU ABU

 Allah yang Maha Kuasa dan kekal, Engkau tidak benci akan sesuatu yang Engkau ciptakan, dan mengampunkan dosa mereka yang bertaubat: jadikan dalam kami hati yang baru, yang sedar akan dosa, semoga kami yang menangisi dosa kami dan mengakui kejahatan kami, akan perolehi dari-Mu yang sentiasa mengasihi orang, pembebasan dan pengampunan yang sempurna; melalui Yesus Kristus Anak-Mu Tuhan kami, Dia yang hidup dan memerintah dengan-Mu, dalam kesatuan Roh Kudus, Allah yang Tunggal, sekarang dan selama-lamanya. Amin.

DOA SELEPAS PERJAMUAN

 Tuhan yang pengasih, berkatilah kami semoga kami dapat menentang percubaan, yang datang dari dunia, dari keinginan tubuh dan syaitan, dan dengan hati dan fikiran yang suci, dapat mengikuti-Mu, Allah yang Tunggal; melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH
 No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, 93350 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.
 Tel: 082-369333 / 504372 Tel. Bimbit: 013-8383436 E-mel: office@tjac.org.my Laman web: www.tjac.org.my
 Facebook: tjackuching Instagram: tabuanjayaanglican
 Vicar: Revd. Kelvin Jawa Paderi Pembantu: Revd. Richard Chang dan Revd. Lawrence Wah Onn
 Sub-Deacon: Geoffrey Teo, Helen Chan, John Cheong, Irvin Lim, Ron Bunchol

JAWATAN KUASA KEBAJIKAN AHLI-AHLI GEREJA

Pihak Gereja amat prihatin dengan kebajikan ahli-ahli Gereja dan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Jawatan Kuasa ini. Ia berfungsi untuk menerima permohonan daripada mana-mana ahli Gereja yang memerlukan terutamanya dari segi mata wang. Jawatan Kuasa ini akan melakukan proses penapisan semua permohonan sebelum mengesyorkan tindakan kepada PCC.

PCC telah bersetuju untuk memberikan dana permulaan berjumlah RM20,000.00 dan berjanji akan memberikan RM10,000.00 setahun untuk membantu Dana ini. Namun, anda digalakkan untuk menyumbang kepada Dana ini juga. Anda boleh melakukannya secara wang tunai atau cek menggunakan sampul surat yang bertanda "Members' Welfare Fund", secara atas talian ke dalam akaun Dana di Public Bank bernombor 3204045823 atau kod QR BOOST yang akan disediakan kelak.

LATIHAN PEMURIDAN (Discipleship Training (DT))

Gereja kita akan memulakan Latihan Pemuridan (DT) menggunakan model Gereja SaRang, Korea Selatan di dalam Bahasa Malaysia. Sesiapa yang terpenggil oleh Tuhan untuk melayani di dalam Gereja kita, digalakkan untuk menjalani Latihan ini. Sila hubungi SD Ron atau Revd. Lawrence untuk maklumat lanjut.

KELAS PEMBAPTISAN & PENETAPAN 2022

Kelas Pembaptisan & Penetapan untuk tahun ini dijangka akan dimulakan pada bulan Mac ini. Ibu bapa dan penjaga dinasihati untuk mendaftar anak mereka yang berumur 12 tahun ke atas untuk menghadiri kelas tersebut. Kelas ini akan diadakan secara fizikal. Borang pendaftaran boleh didapati di Pejabat Gereja. Sila hubungi Revd. Lawrence atau SD Ron untuk keterangan lanjut.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN GEREJA 2022

Tarikh: Ahad, 10 April 2022 Tempat: Gereja Masa: 11.45 pagi

Demi menyemarakkan lagi Mesyuarat ini, semua ahli berdaftar gereja digalakkan untuk menghadirinya untuk menunaikan tanggung jawab bersama demi kemuliaan Tuhan kita. Ini adalah gereja anda maka suara dan buah fikiran anda amat diperlukan untuk memacu gereja kita dalam pelayanannya melebarkan Kerajaan Tuhan dan mencapai visi dan misinya. Sila berdaftar dengan Pejabat Gereja segera untuk mendapatkan semua dokumen yang relevan sebelum Mesyuarat diadakan.

NOTA-NOTA KHUTBAH